

ANALISIS PERBANDINGAN 500 PERKATAAN BAHASA BUGIS ENREKANG DAN BAHASA MELAYU STANDARD JOHOR-RIAU DI KAMPUNG TINUSA 2 SANDAKAN, SABAH

COMPARATIVE ANALYSIS OF 500 WORDS OF ENRENKANG BUGIS LANGUAGE AND JOHOR-RIAU STANDARD MALAY LANGUAGE IN TINUSA VILLAGE 2 SANDAKAN, SABAH

Nur Hidayah Mail¹
Mohamad Rozi Kasim²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
E-mail: nurhidayahmail03@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
E-mail: mrozi@fbk.upsi.edu.my

Article history

Received date : 13-2-2024

Revised date : 14-2-2024

Accepted date : 3-3-2024

Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Mail, N. H., & Kasim, M. R. (2024). Analisis perbandingan 500 perkataan Bahasa Bugis Enrekang dan Bahasa Melayu Standard Johor-Riau di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (22), 92 - 114.

Abstrak: Bahasa Bugis Enrekang merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh masyarakat Bugis Enrekang yang menetap di Sabah. Penelitian ini bertujuan untuk mengumpulkan perkataan-perkataan bahasa Bugis Enrekang, mentranskripsikan perkataan-perkataan bahasa Bugis Enrekang mengikut sebutan sebenar bahasa Bugis Enrekang dan membandingkan sebutan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Analisis dilakukan terhadap 500 perkataan bahasa Bugis Enrekang yang diperoleh daripada informan kajian, iaitu penutur jati bahasa Bugis Enrekang yang berumur 45 tahun dan ke atas yang menetap di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. Penganalisan 500 data tersebut ditranskripsikan menggunakan lambang fonetik sejagat (International Phonetic Alphabets, IPA). Penganalisan 500 data dilakukan menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif (Fries, 1945). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perbezaan sebutan dan sistem fonem antara bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Penganalisan dan penelitian terhadap perbandingan kedua-dua bahasa tersebut juga telah membawa kepada beberapa penemuan baharu dalam aspek bidang morfologi dan fonologi, antaranya ialah kehadiran imbuhan awalan “ma-” dalam perkataan asal bahasa Bugis Enrekang. Selain itu, terdapat pinjaman bahasa Melayu Standard Johor-Riau dalam sebutan bahasa Bugis Enrekang. Seterusnya, kehadiran fonem vokal, konsonan dan diftong yang berbeza dengan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada kajian yang lebih banyak terhadap bahasa Bugis dan bahasa peribumi yang lain.

Kata Kunci: Bugis Enrekang, Melayu Standard, Perbandingan, Analisis Kontrastif

Abstract: *The Enrekang Bugis language is one of the languages used by the Enrekang Bugis community who live in Sabah. This research aims to collect Bugis Enrekang language words, transcribe Bugis Enrekang words according to the actual pronunciation of Bugis Enrekang language and compare the pronunciation of Bugis Enrekang language and Johor-Riau Standard Malay. The analysis was conducted on 500 Enrekang Bugis language words obtained from the study informants, which are native Bugis Enrekang speakers aged 45 and above who live in Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. The analysis of the 500 data was transcribed using International Phonetic Alphabets (IPA). Analysis of 500 data was done using Fries' (1945) Contrastive Analysis approach. The results of the study found that there are some differences in pronunciation and phoneme system between the Bugis Enrekang language and the Johor-Riau Standard Malay language. Analysis and research on the comparison of the two languages has also led to some new discoveries in terms of morphology and phonology, among which is the presence of the prefix "ma-" in the original Bugis Enrekang language word. In addition, there are Johor-Riau Standard Malay loanwords in the Bugis Enrekang pronunciation. Next, the presence of vowel phonemes, consonants and diphthongs that are different from Johor-Riau Standard Malay. In conclusion, the results of this study are expected to be a starting point for more studies on the Bugis language and other indigenous languages.*

Keywords: *Bugis Enrekang, Standard Malay, Comparison, Contrastive Analysis*

Pengenalan

Halina et. al (2016: 204) menyatakan negeri Sabah bukan hanya terkenal dengan keindahan alam semula jadinya, tetapi juga kaya dengan keragaman penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kelompok etnik. Keragaman tersebut disebabkan kewujudan variasi dari pelbagai aspek budaya. Dari sudut statistik, penduduk peribumi Sabah diklusterkan kepada empat kumpulan etnik utama yang mendominasi saiz populasi negeri Sabah, iaitu kelompok etnik Dusun, Murut, Bajau dan Melayu. Selain daripada empat kelompok primer tersebut, Sabah turut dihuni oleh pelbagai golongan penghijrah dari serata dunia terutamanya dari Filipina, Indonesia dan beberapa negara Asia yang lain. Setiap kelompok etnik, sama ada kelompok majoriti ataupun minoriti masing-masing memiliki keunikan corak kehidupan, bahasa dan dialek, norma dan nilai-nilai moral, kepercayaan dan agama serta tradisi budaya yang menyumbang kepada perkembangan identiti budaya mereka (Halina et. al 2016: 204).

Suku kaum Bugis merupakan salah satu etnik yang kaya dengan keunikan yang tersendiri terutamanya dari segi dialek, budaya, cara hidup dan sebagainya. Masyarakat Bugis atau To Ugi berasal dari sebuah kepulauan di sebelah Nusantara, iaitu Kepulauan Sulawesi khususnya Sulawesi Selatan yang mana terdiri daripada empat kaum utama iaitu Mandar, Toraja dan Bugis. Menurut Abdul Hadi Mohammad Yatim et. al (2020: 194), terdapat 13 subetnik di Sulawesi Selatan iaitu Bone, Pinrang, Luwuk atau Palopo, Barru, Sinjai, Soppeng, Wajo, Selayar, Rappang, Pare-Pare, Enrekang dan Durri. Kelompok masyarakat Etnik Bugis di Sabah merupakan penduduk asal dari negara Indonesia yang berhijrah ke Sabah dan menyebabkan suku ini menetap di negeri tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh Asmiaty (2013: 2) dalam buku Bugis Sabah yang mengatakan bahawa keturunan bangsa Bugis yang berada di Sabah pada hari ini berasal dari kepulauan Sulawesi Selatan, Indonesia. Majoriti masyarakat Bugis yang ada di negeri Sabah menetap di kawasan Pantai Timur Sabah iaitu, di daerah Sandakan. Selain itu, sebahagian masyarakat etnik Bugis juga menetap di daerah-daerah lain seperti Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Beluran dan Semporna (Abdul Hadi Mohammad Yatim et. al 2020: 194).

Salah satu kelompok masyarakat Bugis yang akan difokuskan ialah masyarakat Bugis Enrekang yang menetap di Sandakan, Sabah. Keunikan masyarakat Bugis Enrekang dapat dilihat dari sudut bahasa yang dituturkan oleh penuturnya. Hal ini berbeza dengan dialek-dialek Bugis yang lain seperti Bugis Bone, Pinrang, Luwuk atau Palopo, Barru, Sinjai, Soppeng, Wajo, Selayar, Rappang, Pare-Pare dan Durri. Menurut Christian (2016: 8), mendapati bahawa masyarakat Bugis mempunyai bahasa dan tulisan tersendiri yang dikenali dengan nama *lontarak*. Identiti masyarakat Bugis Enrekang yang memiliki bahasa dan sistem tulisan tertentu melambangkan masyarakat Bugis mempunyai budaya dalam pembelajaran kerana mereka telah menetapkan kaedah pembacaan dan tulisan mereka. Justeru itu, bahasa Bugis Enrekang sangat unik didengari walaupun kaedah sebutan serta tatabahasanya sukar difahami terutamanya kepada mereka yang jarang mendengar bahasa tersebut dipertuturkan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan dalam membuat perbandingan sebutan dan perkataan antara bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau dari sudut fonologi khususnya sistem sebutan dan makna setiap perkataan bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan kedua-dua bahasa ini.

Pada masa ini, kurangnya bahan-bahan rujukan berkaitan bahasa Bugis menyebabkan bahasa ini kurang diketahui berbanding bahasa-bahasa peribumi yang lain. Selain itu, terdapat juga kemungkinan masyarakat luar tidak mengetahui bahawa bahasa Bugis mempunyai pelbagai dialek turunannya seperti bahasa Bugis Enrekang, Bugis Sinjai, Bugis Bone dan Bugis Pinrang. Namun begitu, dalam kajian ini hanya memfokuskan perbandingan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau menggunakan kaedah analisis kontrastif. Kajian ini mengkaji bahasa Bugis Enrekang sebagai salah satu inisiatif untuk menangani isu kepupusan bahasa Bugis Enrekang di Sabah khususnya di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. Justifikasi memilih kawasan tersebut sebagai tempat kajian kerana kawasan tersebut merupakan salah satu penempatan penutur asli bahasa Bugis Enrekang. Melalui kajian ini, penyelidik akan menganalisis perbandingan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah.

Dalam era globalisasi ini, terdapat pelbagai bahasa yang digunakan namun hanya beberapa bahasa sahaja yang dipelajari dan difahami oleh masyarakat di suatu kelompok itu. Contohnya di Sabah terdapat pelbagai bahasa etnik, namun tidak semua kaum etnik tersebut dapat bertutur dan memahami bahasa tersebut. Kesulitan yang berlaku ini boleh dilihat, dikaji dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis kontrastif atau bezaan seperti yang dicadangkan oleh ahli linguistik. Jamaliah Mohd Ali (1990:333) menyatakan bahawa analisis kontrastif adalah satu teknik menganalisis linguistik yang telah dikembangkan oleh ahli linguistik terkemuka Blomfield (1941), dengan tujuan menganalisis bahasa secara terencana. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis kontrastif bagi membandingkan dua bahasa yang berbeza dari sudut fonologi dan makna setiap perkataan bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard.

Menurut Fries (1941), analisis kontrastif secara lazimnya digunakan untuk membandingkan struktur kedua-dua bahasa ibunda dan bahasa asing secara sistematik. Dengan kata lain, analisis kontrastif ini boleh dijalankan antara satu bahasa dengan bahasa serumpun dengannya ataupun antara satu bahasa dengan bahasa lain dalam rumpun bahasa yang berlainan (Tan Tiam Lai et al, 2023). Oleh itu, penelitian secara perbandingan ini dilakukan bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan yang hadir dalam struktur sebutan perkataan bagi kedua-dua bahasa yang dikaji, iaitu bahasa ibunda dan bahasa asing. Oleh hal yang demikian, analisis kontrastif antara bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau ditinjau daripada aspek linguistik kerana kedua-dua bahasa ini bahasa yang serumpun.

Dengan itu, penelitian dalam kajian ini melibatkan penggunaan 500 perkataan yang dibandingkan secara analisis kontrastif khususnya perbandingan dalam aspek bidang fonologi.

Permasalahan Kajian

Penyelidik telah mengenal pasti beberapa permasalahan kajian yang membawa kepada penyelidikan ini dijalankan. Antaranya ialah kurangnya kajian berkaitan fonologi dari aspek perbandingan sebutan dan makna bagi bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Perkara ini disokong daripada beberapa kajian lepas berkaitan masyarakat Bugis khususnya di Malaysia yang hanya membincangkan berkaitan masyarakat dari aspek sejarah, sosiobudaya dan lain-lain. Contohnya, kajian yang dibuat oleh Makmur et. al (2014) dan Norhayati (2016) merupakan kajian yang menyentuh aspek sejarah masyarakat Bugis. Terdapat juga beberapa kajian yang dibuat berkaitan bahasa Bugis seperti kajian Sua (2020), Fitrah dan Afria (2017) dan Oktabaniani et. al (2021). Namun begitu, kajian berkaitan perbandingan antara bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau belum dilakukan setakat ini. Oleh itu, berdasarkan pernyataan masalah ini, kajian ini akan memfokuskan perbandingan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau bagi membezakan sebutan dan makna sesuatu perkataan.

Selain itu, kepupusan bahasa minoriti juga merupakan salah satu isu yang penting dan perlu diambil berat dalam melaksanakan kajian ini. Hal ini kerana kepupusan bahasa peribumi bukan disebabkan oleh populasi penuturnya yang semakin berkurang, tetapi disebabkan bahasa tersebut mula terancam kerana penutur sesuatu bahasa itu sendiri tidak lagi mengaplikasikannya. Tambahan pula, generasi muda lebih gemar dan mahir bertutur dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Perkembangan teknologi yang semakin canggih menyebabkan kelunturan bahasa Bugis semakin ketara khususnya dalam kalangan generasi muda terutamanya remaja dan kanak-kanak. Hal ini disokong oleh kenyataan Yap Siong Han (2022) bahawa generasi muda zaman sekarang semakin canggung bercakap dan berbual dalam bahasa sukuan masing-masing disebabkan masyarakat itu sendiri yang tidak menggunakan bahasa ibunda apabila bertutur dengan anak-anak. Justeru itu, kajian ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat Bugis dan etnik-etnik yang lain tentang kepentingan sesuatu bahasa sukuan untuk terus dijaga, dipelihara dan diamalkan.

Seterusnya, isu kelestarian bahasa juga merupakan salah satu isu penting supaya kajian ini dilaksanakan. Hal ini kerana bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Bugis Enrekang merupakan bahasa minoriti yang berisiko tinggi untuk mengalami kepupusan. Perkara ini berlaku disebabkan kebanyakan generasi muda khususnya masyarakat Bugis tidak fasih

berbahasa Bugis. Hal ini kerana tidak terdapat banyak usaha untuk melstarikan bahasa tersebut dan tiada insentif diberi oleh pihak-pihak berkewajipan untuk menjalankan kajian mengenai bahasa Bugis (Noor Aina, 2006). Justeru itu, menurut Zubaidi (2010) kajian awal menunjukkan memang ada kemungkinan dialek etnik di Sabah menjadi pupus. Hal ini kerana generasi muda yang berumur dibawah 30 tahun lebih selesa bertutur dalam dialek Melayu Sabah yang umum dan bukannya dialek sukuan masing-masing.

Objektif Kajian

Tujuan penyelidikan menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengumpul 500 perkataan bahasa Bugis Enrekang di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah.
2. Mentraskripsikan 500 perkataan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah mengikut sebutan sebenar.
3. Membandingkan 500 perkataan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif Fries (1945).

Sorotan Kajian

Pertama sekali, kajian ini telah melakukan sorotan literatur terhadap kajian Christian (2016) yang bertajuk "*Orality and Writing Among The Bugis*". Kajian Christian (2016) menjelaskan bahawa suku etnik Bugis mempunyai bahasa dan tulisan tersendiri yang dikenali sebagai *lontarak*. Namun begitu berdasarkan kajian Christian (2016: 22), *lontarak* merupakan sebuah penulisan yang menceritakan kisah generasi pertama yang menjadikan *lontarak* sebagai manuskrip untuk dibaca dalam sesuatu upacara. Hasil daripada kajian "*Orality and Writing Among The Bugis*" menunjukkan masih kurang bahan ilmiah berkaitan bahasa khususnya bahasa Bugis Enrekang. Dengan itu, permasalahan daripada kajian ini dapat dibantu dengan adanya kajian berkaitan bahasa Bugis Enrekang di mana dapatan bertulis diperoleh dalam kalangan penutur asli Bugis di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah.

Selain itu, kajian berkaitan analisis kontrastif telah dibuat oleh Andi Fatimah (2016) dalam kajiannya iaitu "*Analisis Kontrastif Bahasa Bugis dan Bahasa Indonesia dalam Bidang Morfologi*" merupakan kajian yang memfokuskan kajian berkaitan bahasa dalam bidang morfologi bahasa Bugis dan bahasa Indonesia. Kajian yang dilaksanakan oleh Andi Fatimah mendapati bahawa terdapat perbezaan bahasa Bugis dan bahasa Indonesia dalam bidang morfologi. Berdasarkan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pola morfem bahasa Bugis dan bahasa Indonesia seperti morfem bebas bahasa Bugis berakhir dengan semua bunyi vokal kecuali e (pepet), manakala konsonan tidak mengakhiri morfem bebas bahasa Bugis kecuali konsonan [N] dan [ʔ] (glotis). Oleh itu, kajian Andi Fatimah dijadikan panduan untuk melihat perbezaan bahasa dan makna setiap perkataan bahasa Bugis dan bahasa Indonesia walaupun kedua-dua bahasa tersebut yang berasal daripada Sulawesi Selatan.

Mohd Uzir Zubir dan Rohaidah (2019) dalam kajiannya, iaitu "*Analisis Kontrastif antara Kata Hubung Bahasa Melayu dengan Konjungtor Bahasa Indonesia*" merupakan kajian yang melihat perbandingan kata hubung antara bahasa pertama dan bahasa kedua. Hasil kajian terhadap kedua-dua bahasa ini membawa kepada penemuan berkaitan persamaan dan perbezaan penggunaan kata hubung dalam ayat atau suatu ujaran. Namun begitu, kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Uzir dan Rohaidah (2019) menunjukkan bahawa lebih banyak persamaan kata hubung antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia berbanding perbezaan. Justeru itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa salah satu kepentingan analisis kontrastif dilaksanakan adalah untuk mengelakkan penggunaan bahasa yang tidak sesuai dalam sesuatu bahasa. Melalui kajian ini dapat membantu penulis memahami dengan lebih khusus mengenai kaedah penganalisisan kontrastif bagi dua bahasa yang berbeza.

Kajian Isna Mulia dan Ilmi Solihat (2023) yang bertajuk "*Analisis Konstrastif Bahasa Indonesia (B1) dengan Bahasa Betawi (B2) berdasarkan Interferensi Tataran*

Leksikal” merupakan kajian yang membandingkan dua bahasa yang mempunyai makna perkataan yang sama atau hampir sama tetapi mempunyai makna yang berbeza. Menurut Isna Mulia dan Ilmi Solihat (2023), hasil kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Bitawi mempunyai perkataan yang hampir sama dengan bahasa Indonesia, tetapi mempunyai makna yang berbeza. Selain itu, perbezaan kedua-dua bahasa ini juga dapat dilihat daripada penggunaan fonem yang berbeza sama ada di awal, tengah dan akhir kata. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sumber panduan untuk menganalisis dua bahasa yang berbeza khususnya mengenal pasti persamaan dan perbezaan dari segi sebutan dan makna perkataan dalam sesuatu bahasa yang dikaji.

Kajian yang dilaksanakan Ediwarman dan Sulthaanika (2023) yang bertajuk *“Analisis Kontrastif Kosa Kata Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia dalam Film Animasi pada Zaman Dahulu”* merupakan kajian yang menggunakan filem animasi Malaysia bagi menganalisis linguistik kontrastif kosa kata dalam ayat bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia. Berdasarkan kajian ini, Ediwarman dan Sulthaanika (2023) menyatakan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan perkataan dan makna yang digunakan dalam kedua-dua bahasa ini. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan panduan untuk menganalisis perbandingan sebutan dan makna perkataan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu standard di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. Perbandingan kedua-dua bahasa ini penting bagi melihat sejauh manakah persamaan dan perbezaan antara dua bahasa terutamanya dari segi sebutan, ejaan dan makna perkataan.

Seterusnya, kajian oleh Noor Aina Dani (2006) bertajuk *“Dialektologi Bahasa Bugis di Sabah”* merupakan kajian berkaitan bahasa yang bertujuan untuk mendalami bahasa dan sistem tulisan bagi masyarakat Bugis yang berhijrah di Sabah dari Pulau Sulawesi Selatan dan bermastautin di daerah Tawau. Dalam kajian ini, menurut Ibrahim Ahmad (1975) Bahasa Bugis boleh dibahagikan kepada beberapa dialek mengikut tempat leluhur orang Bugis di Sulawesi Selatan. Antara dialek tersebut ialah Luwu (Palopo), Makassar, Rappang, Wajuk dan Indrekan. Selain itu, bahasa Bugis juga masih digunakan dalam pertuturan harian masyarakat Bugis di Sabah manakala bahasa Melayu dituturkan sebagai bahasa kedua. Berdasarkan kajian Noor Aina Dani (2006) dapat membantu kajian ini dalam mengenal pasti bahasa Bugis yang masih dituturkan di Sandakan Sabah termasuklah bahasa Bugis Enrekang.

Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini mengambil kira aspek reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur pengumpulan data, cara penganalisisan data dan kerangka teoretis menggunakan Analisis Kontrastif Fries (1945).

Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kualitatif untuk mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian. Hal ini demikian kerana kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Menurut Cresswell (1994), penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu masalah kajian. Kenyataan ini disokong oleh Azizah Hamzah (2010) menyatakan bahawa kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Dalam kajian ini objektif kajian dan jenis penyelidikan yang ingin dijalankan telah dikenal pasti bagi menghasilkan maklumat yang tepat, jelas dan berkualiti. Oleh itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan kajian lapangan.

Dalam kajian ini, penyelidik mendapatkan data daripada informan yang merupakan penutur jati bahasa Bugis Enrekang. Menurut Babbie (2008), informan ialah seseorang yang mahir dalam fenomena sosial yang ingin dikaji oleh seorang penyelidik serta sanggup bekerjasama untuk memberikan data yang diperlukan. Bagi memudahkan kajian ini mendapat maklumat yang berkualiti, beberapa aspek telah diambil kira sebelum turun ke kawasan kajian. Antara aspek yang diambil kira ialah prosedur pemilihan informan kajian. Hal ini demikian kerana kajian ini memerlukan data yang dikumpul selaras dengan objektif yang hendak dijalankan.

Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling* iaitu penetapan ciri-ciri informan yang diperlukan dalam kajian ini. Antara ciri yang ditetapkan ialah informan menetap di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah, berumur 40 tahun dan ke atas, penutur asli Bugis Enrekang, berkemampuan bertutur dengan fasih, tidak mempunyai sebarang masalah pendengaran dan alat artikulasi.

Kajian ini telah menggunakan beberapa prosedur sebelum, semasa dan selepas pengutipan data. Sebelum pengutipan data dijalankan, kajian ini menyediakan sebanyak 500 perkataan bahasa Melayu Standard untuk diterjemahkan kepada bahasa Bugis Enrekang. Justifikasi memilih 500 perkataan ini kerana tidak terlalu banyak dan tidak terlalu sedikit. Selepas itu, prosedur yang dilakukan oleh penyelidik adalah melakukan kerja lapangan di rumah informan dan menemui bual informan yang bersetuju untuk menjadi informan kajian ini. Sebelum temu bual dijalankan, penerangan diberikan terlebih dahulu kepada informan supaya data dapat dikutip dengan baik dan dapat menjawab objektif kajian. Penerangan juga dilakukan supaya proses temu bual bersama informan berjalan dengan lancar. Seterusnya, semasa temu bual dijalankan informan diminta untuk menyebut data kajian berdasarkan domain yang ditanyakan oleh penyelidik dalam bahasa Bugis Enrekang untuk mendapatkan data yang diperlukan. Data pertuturan lisan informan dikumpul menggunakan rakaman perbualan audio daripada aplikasi telefon pintar. Kaedah rakaman audio ini memudahkan penyelidik mendengar semula data yang diperolehi daripada informan. Akhir sekali, setelah data sudah diperolehi, pengumpulan data dilakukan. Data dan sebutan bahasa Bugis Enrekang ditranskripsi dan dianalisis menggunakan lambang fonetik sejagat (*International Phonetic Alphabet*).

Proses penganalisan data dilakukan menggunakan kerangka teoretis Analisis Konstrastif yang diperkenalkan oleh Charles L. Fries (1945). Istilah atau perkataan konstrastif berasal daripada perkataan *Contrastive* iaitu kata sifat dan kata kerja iaitu “*to contras*” yang membawa maksud berbeza atau bertentangan. Dalam *The American Collage Dictionary* terdapat penjelasan mengenai kaedah ini, iaitu “*to set in opposition in order to show inlikeness, compare by observing differences*”. Hal ini membawa maksud perbandingan ini dilihat sebagai pertentangan iaitu bertujuan untuk memperlihatkan ketidaksamaan yang menunjukkan persamaan dan perbezaan (Mohd Uzir Zubir, 2019). Analisis Konstrastif menjadi rujukan dalam kajian bahasa dan digunakan dalam menganalisis perbandingan dua bahasa khususnya dalam aspek bidang fonologi dan makna perkataan dalam bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Dengan menggunakan analisis konstrastif tersebut, kajian ini akan menganalisis 500 perkataan mengikut sebutan dan makna setiap perkataan yang sudah ditranskripsikan dalam bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau. Rajah 1 di bawah memaparkan ringkasan kerangka teoretis analisis konstrastif yang diaplikasikan dalam kajian ini:

Analisis Kontrastif (1945)

Perbandingan dua bahasa memperlihatkan perbezaan serta persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Menurut Fries (1945), hasil penelitian secara perbandingan ini mampu menonjolkan persamaan dan perbezaan yang hadir dalam struktur kedua-dua bahasa yang dibandingkan.

Perbandingan subsistem yang ada kesepadanan. Analisis Kontrastif boleh dibandingkan dalam subsistem yang ada kesepadanan. Sebagai contoh membandingkan dalam aspek bidang yang sama dalam sesuatu unsur bahasa. Hasil daripada analisis kontrastif kedua-dua bahasa tersebut juga akan membawa kepada penemuan baharu (Fries, 1945).

Perbandingan sistematik bergantung kepada huraian saintifik kedua-dua bahasa. Hal ini bermaksud perbandingan bahasa menggunakan empat kaedah sistematik, iaitu (1) mengumpul data, (2) mempersembahkan perbandingan, (3) mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang sedia ada dan (4) merumuskan perbandingan (Pietro, 1970).

Rajah 1: Kerangka Teoretis Analisis Kontrastif (1945)

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada pendekatan Analisis Kontrastif Fries (1945)

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan ini dari sudut pengumpulan 500 perkataan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau yang ditranskripsikan menggunakan lambang fonetik sejagat (International Phonetic Alphabet). Seterusnya, membincangkan persamaan dan perbezaan antara bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau dari sudut aspek bidang fonologi, khususnya sistem bunyi dan makna setiap perkataan. Berikut merupakan 500 perkataan dalam sebutan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau beserta makna dalam bahasa Melayu:

Jadual 1: Senarai 500 perkataan dalam sebutan bahasa Bugis Enrekang dan bahasa Melayu Standard Johor-Riau beserta makna dalam bahasa Melayu

Bil.	Sebutan Bugis Enrekang	Sebutan bahasa Melayu Standard Johor-Riau	Makna dalam Bahasa Melayu
1.	[ta.yEn]	[ti.ya.də]	kata nafi tiada
2.	[o.to]	[kə.re.tə]	kereta
3.	[de.eN]	[a.də]	kata kopula ada
4.	[tas]	[beg]	beg
5.	[wa.yi]	[a.ye]	air atau sejenis cecair
6.	[wa.ka]	[a.ka]	akar atau sejenis tumbuhan yang lazimnya tumbuh ke dalam tanah
7.	[liʔ.ku.wa]	[leN.ku.was]	lengkuas
8.	[iya.ku]	[a.ku]	kata ganti nama diri pertama aku
9.	[a.lay]	[am.beʔ]	ambil
10.	[ma.tə]	[ma.ti]	mati
11.	[gar.don]	[ko.taʔ]	kotak
12.	[ma.si.yaN]	[ha.ri si.yaN]	hari siang atau esok hari

13.	[an.tiŋ - an.tiŋ]	[an.teN - an.teN]	perhiasan pada telinga wanita anting-anting
14.	[a.su]	[an.dʒeN]	anjing
15.	[a.ŋin]	[a.Nen]	angin iaitu udara yang bergerak
16.	[aŋ.ka]	[aN.kat]	angkat
17.	[a.pa]	[a.pə]	kata tanya apa
18.	[me.yoN]	[ku.tʃeN]	kucing
19.	[i.kɔ]	[a.waʔ]	kata ganti nama diri kedua awak
20.	[sam.bə]	[pe.nu.top]	penutup atau alat yang digunakan untuk menutup
21.	[ji.yo.Nan]	[ba.wah]	kata arah bawah
22.	[la.su.na]	[ba.waN]	bawang iaitu sejenis tumbuhan yang umbinya dimakan
23.	[tit.ta.yi/]	[be.raʔ]	berak atau membuang air besar
24.	[ma.ka.siŋ]	[ba.yeʔ]	kata adjektif sifat iaitu baik
25.	[mat.tu.nu]	[ba.ka]	bakar atau panggang
26.	[bo.ko]	[bə.la.kaN]	belakang atau bahagian yang dianggap sebagai lawan hadapan
27.	[ku.riŋ]	[bə.la.Nə]	belanga yang diperbuat daripada tanah yang digunakan untuk memasak
28.	[su.lE]	[ba.leʔ]	balik
29.	[la/.daN]	[tʃi.li]	cili
30.	[bə.ba.wu]	[bu.soʔ]	busuk
31.	[ma.patʃ.tʃi]	[ber.i.nay]	berinai
32.	[tum.bu.han]	[tum.bu.han]	tumbuhan
33.	[ba.ra]	[ba.rə]	bara iaitu api atau serpihan yang bernyala dalam api yang hampir padam
34.	[ma.patʃ.tʃiŋ]	[bər.seh]	bersih
35.	[dʒi.yo.Nan ta.nah]	[ba.wah ta.nah]	bawah tanah
36.	[be.seŋ]	[ba.sah]	basah
37.	[ti.muN]	[ti.mon]	timun
38.	[ma.ka.ma.dʒa]	[ba.ya]	bayar
39.	[po.ko/ ni.yo/]	[po.koʔ kə.la.pə]	pokok kelapa
40.	[bə.kas]	[bə.kas]	bekas
41.	[ma.ŋal.li]	[bə.li]	beli
42.	[dʒo/.pa]	[bə.lom]	kata bantu aspek belum
43.	[lən.doN]	[bə.lot]	sejenis ikat yang panjang iaitu belut
44.	[u.tan]	[bə.neh]	benih sejenis biji daripada buah kecil yang dijadikan bibit
45.	[i.yeʔ]	[yə]	kata benar ya
46.	[tʃɔ.tʃɔ/]	[bə.na]	kata benar seperti betul
47.	[mE.kE]	[ba.toʔ]	batuk
48.	[bo.sɔ]	[bəN.kaʔ]	bengkak
49.	[ku.tʃatʃ.tʃa]	[bən.tʃi]	benci
50.	[bar.ra]	[bə.ras]	beras
51.	[ma.bin.ni]	[bə.rat]	berat
52.	[da.i]	[bə.ri]	beri
53.	[katʃ.tʃaŋ]	[bə.sa]	besar

54.	[bi/.ti]	[bə.tes]	betis
55.	[pu.wa.raŋ]	[bi.ya.waʔ]	biawak
56.	[ti.muŋ]	[bi.ber]	bibir
57.	[ka.mar]	[bi.leʔ]	bilik
58.	[bE.lo/]	[be.loʔ]	belok
59.	[mə.nan.tu]	[mə.nan.tu]	menantu
60.	[bi.raŋ]	[bi.ni]	bini atau isteri
61.	[bin.taŋ]	[bin.taŋ]	bintang
62.	[bə.ru.waŋ]	[bə.ru.waŋ]	beruang
63.	[ma/.bi.si/]	[bi.seʔ]	bisik
64.	[bu.wah]	[bu.wah]	buah
65.	[tʃe/.be.yaŋ]	[bu.waN]	buang
66.	[pe.tʃa/]	[bu.bo]	bubur
67.	[bu.wa.ya]	[bu.wa.yə]	buaya
68.	[bu/.ka]	[bu.kə]	buka
69.	[but.tu]	[bu.ket]	bukit
70.	[ma.lE.bu]	[bu.lat]	bulat
71.	[um.buN u.lu]	[u.bon kə.pa.lə]	ubun kepala
72.	[mu.ni]	[bu.Ni]	bunyi
73.	[beŋ.k□/]	[beN.koʔ]	bengkok
74.	[pol.l□/]	[puN.goN]	punggung
75.	[bu.noy]	[bu.noh]	bunuh
76.	[bu.ŋa]	[bu.Nə]	bunga
77.	[bu/.ku]	[boN.koʔ]	bongkok
78.	[tʃap.pa/]	[boN.su]	bongsu atau adik beradik yang paling muda
79.	[ma/.bi.tʃa.ra]	[bo.raʔ]	berborak atau berbual-bual
80.	[tʃa.tʃiŋ]	[tʃa.tʃeN]	cacing
81.	[tʃam.miŋ]	[tʃer.men]	cermin
82.	[tʃa.rE.pa]	[kə.tə.ran]	kotoran
83.	[ma.si.ŋa/]	[tʃə.pat]	cepat
84.	[ap.p□]	[tʃu.tʃu]	cucu atau cicit
85.	[tʃin.tʃin]	[tʃin.tʃen]	cincin
86.	[tus.so/]	[tʃu.tʃoʔ]	cucuk
87.	[gan.na/]	[tʃu.kop]	cukup
88.	[tʃo.ra/]	[tʃə.raʔ]	corak
89.	[da.da]	[da.də]	dada
90.	[da.giŋ]	[da.geN]	daging
91.	[da.gu]	[da.gu]	dagu
92.	[teʔ.kE/]	[da.han]	dahan
93.	[lin.do]	[da.hi]	dahi
94.	[da.ki]	[da.ki]	daki
95.	[da.lam]	[da.lam]	dalam
96.	[lom.ba]	[da.rah]	darah
97.	[əm.bu.k□]	[ma.nə]	kata tanya mana
98.	[po.lE]	[da.ri]	kata sendi nama dari
99.	[da.wun]	[da.won]	daun

100.	[du.yuŋ]	[du.yoN]	duyung
101.	[a.bu]	[də.bu]	debu
102.	[man.da/.pi]	[də.kat]	dekat
103.	[dən.dam]	[dən.dam]	dendam
104.	[dɛ.ŋan]	[dɛ.Nan]	kata sendi nama dengan
105.	[ma.sa/.diŋ]	[dɛ.Na]	dengar
106.	[ma.ɛ.tam]	[di.yam]	diam
107.	[bi.dE]	[din.deN]	dinding
108.	[ma.tʃa/.kE]	[di.Nen]	dingin iaitu keadaan sejuk atau tidak panas
109.	[ka.lE]	[di.ri]	diri atau empunya badan
110.	[kɔ̃.rE]	[du.wə]	kata bilangan dua
111.	[du.wa/ pu.lɔ̃h]	[du.wə pu.loh]	kata bilangan dua puluh
112.	[du.wa/ ra.tu]	[du.wə ra.tos]	kata bilangan dua ratus
113.	[du.wa? sa/.bu]	[du.wə ri.bu]	kata bilangan dua ribu
114.	[ma.tʃin.do/.kɔ̃]	[du.do?]	duduk
